

Lelaki cuba bunuh diri sebab cinta

KUALA LANGAT - Seorang lelaki bertindak terjun dari Jambatan Pulau Carey di sini kelmarin kerana kecewa dalam percintaan.

Namun, tindakan lelaki berusia 28 tahun itu tidak berjaya apabila dia dihanyutkan arus deras hingga ke tebing sungai sebelum diselamatkan sepasukan anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Telok Panglima Garang.

Ketua Balai BBP Telok Panglima Garang, Mohd Hafizie Hassan berkata, seramai

enam anggotanya dikejarkan ke lokasi selepas menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 2.48 petang.

"Mangsa dipercayai masih hidup selepas terjun dari jambatan berkenaan, namun dihanyutkan arus deras.

"Anggota bomba kemudian menggunakan bot nelayan untuk menyelamatkan mangsa yang ditemui terdampar di tepi tebing sungai," katanya.

Menurutnya, mangsa kemudian dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut.